BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 01/16/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Jumaat, 29 Januari 2016

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
Disember 2015

Keadaan Harga: Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), secara relatif stabil pada 2.7% pada bulan Disember (November: 2.6%). Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* meningkat kepada 4.6% (November: 4.1%), mencerminkan harga yang lebih tinggi dalam kebanyakan subkategori makanan terutamanya daging segar dan sayur-sayuran. Walau bagaimanapun, inflasi yang lebih tinggi ini diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *pengangkutan* (Disember: -6.2%; November: -5.2%) susulan penurunan harga petrol RON95 sebanyak 10 sen pada bulan itu. Bagi tahun 2015 secara keseluruhan, inflasi mencatat kadar purata lebih rendah pada 2.1% (2014: 3.2%).

Keadaan Monetari: Kadar antara bank jangka pendek (kurang dari 1 bulan) secara amnya stabil pada bulan Disember. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh matang lebih panjang menunjukkan trend yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap pendanaan yang lebih stabil oleh bank. Ini seterusnya mewujudkan persaingan antara bank untuk mendapatkan deposit dengan menawarkan kadar deposit yang lebih tinggi, dan peningkatan kos pendanaan yang terhasil telah dipindahkan kepada kadar pinjaman dalam pasaran antara bank. Memandangkan Kadar Asas (Base Rate, BR) ditanda aras kepada KLIBOR 3 bulan bagi kebanyakan bank, kadar asas purata bank perdagangan meningkat sedikit kepada 3.86% (November: 3.85%)[1]. Walau bagaimanapun, kadar asas purata sistem perbankan kekal lebih rendah berbanding dengan awal tahun 2015 kerana kadar asas beberapa bank telah dikurangkan lebih awal apabila KLIBOR menjadi sederhana pada pertengahan tahun 2015. Pembiayaan bersih

[1] Untuk maklumat lanjut mengenai Kadar Asas, sila rujuk rencana bertajuk "Rangka Kerja Kadar Rujukan Baharu" dalam Laporan Tahunan BNM 2014.

kepada sektor swasta meningkat 8.6% pada bulan Disember (November: 8.4%), didorong oleh terbitan terkumpul bersih sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) yang lebih tinggi dalam keadaan pertumbuhan pinjaman sistem perbankan yang sederhana. Meskipun pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menjadi sederhana kepada 8.0% pada bulan Disember (November: 8.7%), paras pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan terus kukuh dengan jumlah pinjaman yang lebih besar diberikan merentas kebanyakan sektor. Pinjaman kepada isi rumah juga mencatat pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sedikit iaitu sebanyak 7.7% (November: 7.8%). Meskipun permohonan pinjaman daripada sektor perniagaan dan isi rumah sederhana, kelulusan pinjaman terus kukuh terutamanya bagi sektor perniagaan. Pada asas tahunan, wang secara luas atau M3 meningkat 2.7% pada bulan Disember (November: 3.7%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam aset asing bersih.

Sistem Perbankan: Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 12.8%, 13.8% dan 16.1%. Paras pinjaman terjejas bersih kekal pada 1.2% daripada pinjaman bersih, dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman stabil pada 96.2%.

Kadar Pertukaran dan Rizab Antarabangsa: Pada bulan Disember, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, termasuk dolar Amerika Syarikat (AS). Walau bagaimanapun, ringgit dan mata wang serantau lain tidak mengalami pelarasan yang ketara meskipun terdapat ketidakpastian pelarasan kadar faedah yang akhirnya dilaksanakan oleh Federal Reserve pada bulan Disember. Ini adalah kerana usaha untuk mengembalikan kadar faedah ke paras wajar telahpun dijangka. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM408.5 bilion (bersamaan dengan USD95.1 bilion) pada 15 Januari 2016. Jumlah ini memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek[2].

Bank Negara Malaysia
29 Januari 2016

[2] Merujuk kepada hutang luar negeri jangka pendek yang didefinisikan semula, termasuk peminjaman jangka pendek luar pesisir, pemegangan sekuriti hutang ringgit jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan dan hutang jangka pendek lain. Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2014.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Inflasi secara relatif stabil pada bulan Disember

Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi: Sumbangan kepada Inflasi



**Lain-lain termasuk restoran dan hotel; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; pendidikan; kesihatan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; komunikasi; pakaian dan kasut;* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan.*
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar antara bank melebihi 1 bulan lebih tinggi manakala kadar pinjaman runcit kekal stabil

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Antara Bank Purata



Kadar antara bank terakhir diniagakan akan digunakan untuk tempoh yang tiada urus niaga pada bulan itu
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Deposit Bank Perdagangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman bagi Bank Perdagangan



[1] Pada 2 Januari 2015, Kadar Pinjaman Asas (BLR) telah digantikan dengan Kadar Asas (BR) sebagai kadar rujukan utama untuk kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung baharu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat sedikit pada bulan Disember

Pembiayaan Bersih dan Pertumbuhan Pinjaman



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang sw asta terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan Cagamas)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Terkumpul Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta



* Tidak termasuk terbitan asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran Pinjaman oleh Sistem Perbankan



* Termasuk institusi kew angan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

Permohonan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



* Termasuk institusi kew angan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kelulusan Pinjaman oleh Sistem Perbankan



* Termasuk institusi kew angan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi

Nisbah Pinjaman kepada Deposit, Pinjaman kepada Dana serta Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti



* Mulai bulan Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh Akaun Pelaburan Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Akhir tempoh)



* Peminjaman Pasaran Wang (tidak termasuk repo) termasuk Peminjaman Langsung, Penerimaan Wadiah dan Program Komoditi Murabahah (CMP)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan wang secara luas menjadi sederhana pada bulan Disember

M1 dan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyumbang Utama kepada Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Permodalan sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti pinjaman yang stabil

Kekukuhan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih dan Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman



[1] Merujuk kepada nisbah peruntukan jejas nilai kolektif dan individu kepada jumlah pinjaman terjejas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama

Indeks Prestasi Ringgit Berbanding dengan Rakan Perdagangan Utama*



*Mata Wang: USD, CNY, SGD, JPY, EUR
Setiap mata wang mempunyai pemberat yang sama

Rizab Antarabangsa Bersih



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Okt 15		Nov 15		Dis 15	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)	(RM bil)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		134.6	11.5	134.6	9.7	137.3	10.1
M1		351.2	7.2	352.3	6.5	360.5	4.1
M2		1,569.3	4.3	1,577.9	4.0	1,589.2	2.9
M3		1,576.5	4.0	1,584.1	3.7	1,595.3	2.7
Sistem Perbankan							
Pembiayaan bersih[1]		1,894.5	8.8	1,902.3	8.4	1,933.2	8.6
Nisbah pinjaman-deposit (%) [2]		89.0		88.3		88.7	
Nisbah Pinjaman kepada Dana (%) [2,3]		83.3		82.7		83.0	
Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti (%) [2,3,4]		75.1		74.5		74.6	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		80.7	12.8	71.5	-5.4	63.4	0.7
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		35.2	-5.7	31.4	-11.0	33.6	-0.6
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		89.6	-7.5	85.3	-2.8	108.4	5.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		85.1	-4.5	85.8	7.0	95.9	7.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah jumlah modal (%) [4]		15.4		15.5		16.1	
Nisbah modal kumpulan 1 (%) [4]		13.3		13.3		13.8	
Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (%) [4]		12.4		12.4		12.8	
Nisbah pinjaman terjejas bersih (%)		1.2		1.2		1.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab bersih dalam RM bilion		417.9		420.1		409.1	
Rizab bersih dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		94.0		94.6		95.3	
Bilangan bulan import tertangguh		8.7		8.7		8.5	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.25		3.25	
Antara bank:	Semalaman	3.18 [3.17]		3.15 [3.18]		3.05 [3.11]	
	1 minggu	3.26 [3.25]		3.22 [3.24]		3.13 [3.18]	
	1 bulan	3.64 [3.44]		3.45 [3.39]		3.45 [3.42]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.08		3.08		3.08	
	3 bulan	3.13		3.13		3.13	
BLR bank perdagangan		6.79		6.79		6.79	
BR bank perdagangan [5]		3.85		3.85		3.86	
Kadar pinjaman purata berwajaran bank perdagangan		5.38		5.39		5.40	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2010=100)		114.1	2.5	114.8	2.6	114.8	2.7

[1] Terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul (tidak termasuk bukan pemastautin dan terbitan Cagamas)

[2] Deposit tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan. Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan. Mulai Julai 2015, pinjaman tidak temasuk pembiayaan oleh akaun Pelaburan Islam

[3] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

[4] Ekuiti terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan, premium saham dan perolehan tertahan.

[5] Pada 2 Januari 2015, Kadar Pinjaman Asas (BLR) telah digantikan dengan Kadar Asas (BR) sebagai kadar rujukan utama untuk kemudahan pinjaman dan pembiayaan runcit kadar terapung baharu

Sumber: Bank Negara Malaysia